

24 SEP 1998

KENNETT BANTAH HOWARD BERKAITAN MAHATHIR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 24 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Victoria Jeffrey Kennett hari ini tidak menyokong ulasan Perdana Menteri John Howard berkaitan penahanan Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang telah menimbulkan bantahan rasmi daripada Kerajaan Malaysia.

Kennett yang telah membuat pertemuan selama setengah jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad semasa Sukan Komanwel Ke-16 yang baru lalu di Kuala Lumpur, berkata beliau tidak akan memberikan ulasan terhadap kenyataan Howard bahawa Malaysia menuju ke arah "langkah autoritarian" berikutan penahanan Anwar, tetapi beliau menyatakan mempunyai pandangan yang berbeza berbanding Howard.

Mahathir berkata semalam Howard "sebenarnya silap" dan beliau harus "mendapatkan fakta yang sebenar" sebelum membuat sebarang tuduhan.

"Saya tidak akan terlibat dalam perkara tersebut," kata Kennett yang pernah menjalani "perkhidmatan negara" di Malaysia dalam tahun 60-an.

Kennett berkata Howard dan Ketua Pembangkang Kim Beazley tidak pernah membuat kenyataan berkaitan skandal seks Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton.

Kenyataan Kennett hari ini, iaitu seminggu selepas beliau membidas akhbar "The Age" yang dianggap "kurang memahami", berikutan akhbar itu mengkritik Mahathir dalam rencana pengarangnya.

Adalah berbahaya untuk "menghakim" negara lain mengikut standard Australia, dan Australia tidak seharusnya mengarahkan jiran-jiran mengikut kehendaknya, jika ia menghormati dagangan dan hubungan diplomatik sesama jiran, katanya.

-- BERNAMA
NDC RI